

17/03/2004

Pak Lah lancar agenda BN Pulau Pinang hari ini

GEORGETOWN: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan Agenda Barisan Nasional (BN) negeri di Hotel Sunway, Seberang Jaya, jam 9 pagi ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, ketika mengumumkannya di sini semalam berkata, isi kandungan agenda itu selaras dengan Pelan Pembangunan Strategik (PSD) negeri yang dirangka dan diselaraskan untuk tempoh 2001 hingga 2010.

"Ia sudah hampir siap dicetak dan kebetulan Perdana Menteri akan berada di sini, jadi kami jemput beliau untuk melancarkannya.

"Saya akan mengemukakan Agenda BN itu kepada beliau sebagai PM kerana kebanyakan projek yang dikenal pasti, sedang dan akan diselaraskan memerlukan sokongan serta bantuan kerajaan Persekutuan yang dipimpin beliau," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat parti Gerakan di Jalan Macalister di sini, semalam.

Beliau berkata, agenda itu juga adalah kesinambungan agenda yang diumumkan dan dijanjikan pada pilihan raya umum 1999.

Katanya, ia juga membabitkan beberapa perubahan supaya sesuai dengan perkembangan semasa.

"Kesinambungan itu amat penting. Ini kerana situasi ekonomi sedang mengalami banyak perubahan terutama dengan peningkatan permintaan, maka langkah untuk memulihkannya juga perlu diselaraskan dengan suasana yang baru itu," katanya menambah iklan berhubung pelancaran itu akan turut disiarkan di akhbar tempatan, hari ini.

PSD bergerak selaras Rancangan Pembangunan Jangka Panjang (RPJP) negara seperti terkandung dalam Dasar Wawasan Negara yang dilancarkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Berhubung dakwaan pemimpin parti pembangkang bahawa mereka (pembangkang) menghadapi serangan peribadi dalam bentuk iklan yang tersiar di akhbar berbahasa Inggeris dan Cina, kelmarin, Koh berkata:

"Saya perlu mengkaji perkara itu terlebih dulu. Yang jelas sekarang ia bukan perbuatan BN negeri. Cuma satu parti komponen yang berhasrat untuk membawa kebaikan kepada semua parti komponen dengan tujuan mendapat lebih banyak sokongan.

"Tujuannya memang baik tetapi yang jelas, pendekatannya ternyata kurang sesuai."

Koh turut mengingatkan parti komponen BN dan penyokongnya agar mematuhi garis panduan pada hari penamaan calon dulu, iaitu menjalankan kempen secara bersih dan bersopan tanpa perlu membuat serangan peribadi seperti itu.